

B
A

B

P
E

R

T

A
M
A



BAB I

PENDAHULUAN

A. LATARBELAKANG MASALAH

Negeri Melaka adalah salah sebuah negeri yang kecil di Malaysia. Ia terletak di pantai tenggara Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 1650 kilometer persegi. Melaka terbahagi kepada tiga daerah dengan keluasan dan bilangan mukimnya seperti berikut :

DAERAH	LUAS (km)	MUKIM
Alor Gajah	668	30
Melaka Tengah	295	31
Jasin	687	18
Jumlah	1650	79

¹ Pembangunan Negeri Melaka Sepintas Lalu,
Melaka : Jabatan Penerangan, 1983, hal. 1.

Mengikut bancian tahun 1980 penduduk Negeri Melaka berjumlah kira-kira 476,637 orang yang terdiri dari berbagai kaum. Peratus bilangan penduduk mengikut kaum di Negeri Melaka ini ialah :

52% terdiri daripada kaum Melayu yang merupakan kaum yang terbesar di Melaka.

25% terdiri daripada kaum Cina.

9% terdiri daripada kaum India.

1% terdiri daripada lain-lain kaum.²

Sebahagian besar orang-orang Melayu dan India tinggal di luar bandar, sementara bagi orang-orang Cina nisbah yang tinggal di luar bandar dan bandar adalah setarata.³

Kepada rakyat seramai atau sejumlah inilah Kerajaan Negeri Melaka telah menumpukan perhatiannya dalam usaha untuk membangunkan pembangunan Negeri Melaka, kemajuan dan kebijakan masyarakat termasuklah perkembangan agama Islam itu sendiri.

² Abdul Aziz Malim, Melaka Terus Maju, Malaysia : Jabatan Penanganan, Kementerian Penerangan, Februari, 1982, hal. 2.

³ Ibid.

1. SEJARAH AWAL NEGERI MELAKA

Namang tidak dapat dinafikan bahawa sejarah awal Negeri Melaka diselimuti oleh kekaburuan dan pernilisan mengenainya menghadapi banyak masalah akibat sumber-sumber sejarah awal yang mengandungi banyak pertentangan dan perwelsihan pendapat. Tetapi apa yang pasti penubuhan Melaka berlaku di sekitar akhir abad ke 14 dan awal abad ke 15. Sehi selaras dengan pendapat para sarjana terdahulu. Professor Wang Gung Wu iaitu seorang sarjana tempatan menyatakan :

" It is still not possible to determine the exact date of foundation of Malacca, but there is not doubt that the preceding went occure at the end of the fourteenth century ".³

Dokumen sejarah Negeri Melaka yang memang terkenal sebagai sumber sejarah yang bernilai kerana keanliannya ialah Sejarah Melayu yang ada menceritakan sejarah awal penubuhan Melaka.

Pengasas Negeri Melaka dikatakan mempunyai riwayat hidup yang menarik. Sebelum berjaya mesulakan satu wangsaa pemerintahan di Melaka, Iskandar Shah terpaksa menghadapi penentangan politik asing iaitu kuasa Majapahit dan Kerajaan Siam. Kedua-dua kuasa ini telah menunjukkan

³ Prof. Datuk Zainal Abidin Abd. Wahid, Sejarah Malaysia Sepintas Lalu, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan I, 1971, hal.22.

minat yang besar terhadap perkecambahan politik di sekitar Selat Melaka. Pada mulanya Iskandar Shah memerintah Palembang tetapi baginda terpaksa solatkan diri ke Singapura setelah diusir oleh kuasa Majapahit. Kemudiannya Singapura pula telah digerang dan dikalahkan oleh Majapahit setelah lima tahun baginda memerintah di sana. Raja Iskandar dan pengikut-pengikutnya telah meninggalkan Singapura dan terus solatkan diri menuju ke Muar.⁴

Setelah sampai di sebuah tempat, baginda beroadang untuk menjelidikan tempat tersebut sebagai tempat bersemayam. Tetapi baginda mendapati tempat tersebut penuh dengan biawak. Walampun biawak tersebut dibunuh ianya cencakin banyak. Tempat itu kemudian dikenali " Biawak Busuk ".⁵

Sultan Iskandar Shah cuba pula mencuba beberapa buah tempat lagi tetapi tidak juga berjaya. Pengikut baginda telah membina sebuah kota tetapi apabila hari malam kota itu menjadi buruk. Tempat itu kemudiannya dikenali sebagai " Batu Buruk ". Sultan Iskandar Shah dan pengikutnya terus menggembira hingga ke Sungai Ujung (Sungai Ujung). Noreka mendapati kawasan tersebut baik, lalu baginda meninggalkan seorang non-

⁴ Rahmat bin Saripan, Sejarah Pembukaan Negeri Melaka, Seminar Sejarah Melaka, 1976, hal. 5.

⁵ Zekiah Nanum, Asal Usul Negeri-negeri Di Malaysia, Singapura: Times Books International, cetakan II, 1989, hal. 29.

teri di tempat itu. Dari sana lah baginda berjalan lagi hingga sampai ke kawasan pantai beremp怒 Sungai Bertam.⁶

Pada suatu hari, semasa berburu baginda berdiri di bawah sebuah pokok kayu. Anjing baginda telah di terajang oleh seekor pelanduk putih di bawah pokok tersebut. Baginda amat tertarik dengan keberanihan dan kegagahan pelanduk putih itu dan mengambil keputusan untuk sambungkan negeri di kawasan itu kerana menurut firasatnya tempat tersebut baik. Baginda telah bertanya kepada pengikut-pengikutnya nama pokok di mana baginda berteduh. Pengikut baginda menyatakan bahawa nama pokok tersebut ialah " Pokok Melaka ". Iskandar Shah pun menamakan tempat itu " Melaka " bersempena dengan nama pokok tersebut dan merintah di sana hingga ke akhir hayatnya.⁷

Orang Arab yang berdagang ke Melaka, menyebut Melaka sebagai " Malakat " yang bererti tempat perhimpunan segala dagang. Ada pula menyebut Melaka " Mulekah " yang mempunyai erti yang sama. Dari pada perkataan Sanskrit terdapat sebutan " Malayakolam " atau " Malayaka " yang bermaksud negeri bagi orang-orang Melayu. Dari unsur-unsur penculisan China pula, Melaka disebut sebagai " Nan Ia Chia ".⁸

⁶ Ibid., hal. 30

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

Walau apa pun gelaran nama yang diberikan kepada Melaka ketika itu, jelas bahawa kesemuanya kenyataan itu meriwayatkan tentang kemasyuran Melaka kepada dunia luar suatu ketika dahulu yang menjadi tumpuan orang ramai.

2. SEJARAH KEDATANGAN ISLAM KE MELAKA

Nenyentuh tentang kedatangan Islam ke Melaka, ada ahli-ahli sejarah yang mempertikaikan nama raja atau sultan yang disebut di dalam Sejarah Melaku iaitu Raja Iskandar Shah adalah nama seorang Islam, sedangkan pada ketika itu baginda dikatakan belum lagi mencukuk agama Islam. Oleh itu terdapat beberapa pendapat yang cuba membuktikan keduakan yang sebenarnya.

Unsur Portugis dan China menyatakan bahawa Raja Melaka yang pertama ialah bernama " Permaisura " (Paramesvara). Adakah ia disebut dengan nama " Paramicura " atau " Permicouri ". Daripada penulisan China nama tersebut sebagai " Pe-li-su-la " dan " Pai-li-si-su-la ".⁹

⁹ Haji Buyung bin Adil, Sejarah Melaka Dalam Zaman Kerajaan Melaku, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan 1, 1973, hal. 2.

Dari kenyataan di atas kita dapat tahu yang membantu Melaka ketika itu belum lagi meneluk Islam. Tulisan Tom Piroe yang dianggap sebagai suatu sumber yang terbaik juga mengetahui bahwa raja yang membantu Melaka adalah bernama Perai-sware : iaitu seorang putera raja yang berasal dari Pasai.¹⁰ Jadi persoalannya sekarang bilakah zula bertapak nya Islam di bumi Melaka.

Sejarah Nelayu dikatakan mempunyai gaya yang tersendiri dalam menceritakan peristiwa kesukuan Islam ke Melaka, iaitu seperti di dalam petikan di bawah ini :

" Diriwayatkan dalam masa pemerintahan Raja Tongah negeri Melaka mencapai perkembangan yang pesat. Pada suatu malam, baginda bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad s.a.w di mana Nabi telah mengajarkan kalimah syahadah kepada Raja tersebut, lalu diikuti olehnya. Nabi menyayut sebdaanya ; " Adapun namamu Muhammad. Esok hari apabila waktu saar datang sebuah kapal dari Juddah akan tiba pun orang dari kapal itu, hendaklah kau ikut barang kartanya ". Sejarah Nelayu menambah lagi ; " Setelah teringut jut dari berudu, maka dilihat kalimanya sudah khaten dan sulut baginda tidak lepas dari menyebut kalimah syahadah. Setelah waktu saar, maka datanglah sebuah kapal dari Juddah lalu berlabuh, maka turunlah makhdum dari kapal itu, Sayyid Abdul Aziz namanya. Setelah baginda yakinkan perlakuan Makhdum itu berseasaan dengan zimpiinya itu maka dijepputnya ke istana, maka bendahara dan segala orang besar-besar masuk Islamiah. Maka segala orang Melaka kecil besarnya disuruh Raja masuk Islam seketika".¹¹

¹⁰ Yahya Abu Bakar, Kemasukan Islam Ke Melaka dan Penyebarannya, Melaka : Seminar Sejarah Melaka, 1976, hal. 2.

¹¹ Ibid., hal. 7.

Buat penutupnya Sejarah Melayu meriwayatkan bahawa Raja Melaka telah berguru dengan sekhidup tersebut dan berjirid kepadanya bergelar Sultan Muhammad Shah. Keseluruhan cerita dari Sejarah Melayu ini diperoleh dari buku yang ditulis oleh seorang pengarang asing iaitu R.O. Windfuhr yang berminalat mengkaji Sejarah Melayu.

Walaupun Sejarah Melayu dikatakan penuh dengan dogeran dan kisah yang semata-mata yang diperlukan kepada penafsiran seula. Namun begitu kisahnya sengenai kedatangan Islam ke Melaka adalah unik. Suatu perkara yang paling sulia di sini ialah dengan kehendak Allah s.w.t telah datang seorang mutaligh Islam yang bernama Sheikh Abdul Aziz ke Melaka dengan membawa bersamanya hidayah dari Allah s.w.t. Islam tersebar begitu luas di Melaka dan salah satu faktor terpenting ialah pengukuran Islam yang didebului oleh pembesar Melaka sendiri pada ketika itu.

3. MELAKA SEBAGAI PUSAT PENYEBARAN AGAMA ISLAM

Keagungan Negeri Melaka bukanlah bergantung keseluruhannya kepada kenyataan bahawa ia adalah sebuah pusat perdagangan yang besar dan sebuah Empayar yang luas kuasanya, bahkan ia adalah sebuah pusat penyebaran agama Islam yang meyur di Nusantara. Peranan Melaka dalam penyebaran agama Islam di Kepulauan Melayu, sebahagian besar berlangsung tempuh masa lebih kurang dari tahun masihi 1400 - 1511, kerana selepas kejatuhan Melaka seperti yang dimaklumi Aceh telah mengambil

ajih peranan Melaka tersebut. ¹²

Catatan sejarah banyak menya'akan perihal sinat pemerintah Melaka yang ingin meninggikan pengetahuan dalam berbagai bidang ilmu khususnya ilmu agama Islam itu sendiri. Ini menyebabkan ramai ulama' dan guru agama yang hadir ke Melaka. Mereka mendapat kedudukan yang istimewa dan mulia di kalangan pemerintah Melaka. Antara mereka ialah :

- 1) Makhdom Sayyid Abdul Aziz
- ii) Maulana Abu Bakar
- iii) Khadi Yusof
- iv) Khadi Nenmar Shah
- v) Maulana Sadat Jahan
- vi) Maulana Jalaluddin
- vii) Secrar. Sharif dari Semar Melaka dan la...-la... la... ¹³

Kenyataan ini bertepatan dengan catatan yang ditulai oleh Tom Pellow seniri: yang menya'akan bahawa ramai para ulama' (moora arj : ola...) bertumpu ke Melaka sejak penubuhannya.¹⁴ Proses masuk dan berkembangnya agama Islam di Melaka adalah suatu peristiwa yang besar erti-

¹² Ibid., hal. 15.

¹³ Ibid.

¹⁴ Ibid., hal. 14.

nya dalam sejarah penyebaran Islam ke Kepulauan Melayu seluruhnya. Ke-dudukan Negeri Melaka yang kukuh dari segi politik dan perdagangan beg bolehkananya memainkan peranan penting dan istana dalam penyebaran Islam melalui berbagai cara.

Meilink Goelofas pernah menyatakan bahawa salah satu faktor penting Islam berkembang di Melaka ialah melalui perdagangan, sebagaimana kenyataan yang pernah dibuat olehnya tentang Melaka, iaitu :

" Malacca tending activities enable Islam to spread out over a vaster area than merely politically dependent territories and this proves how important trade and shipping were as factors in the Islamization of the archipelago ".¹⁵

Pengajaran dan pengajian yang dibawa masuk ke Melaka bertambah pesat menjelang pertengahan kurun kelima belas. Sejarah Melayu menceritakan tentang penghantaran perwakilan dari Melaka ke Pasai untuk membincangkan soal agama dengan ulama' Islam di sana. Adalah nyata dari perbincangan ini bahawa pengajaran dan pengajaran Islam lebih menggalakkan apabila ianya mendapat sokongan dari pihak pemerintah sendiri. Pendapat ini disokong oleh sarjana tempatan di mana Sejarah Melayu ada menceritakan tentang permintaan Sultan Mansor Shah kepada Nakhdum Pakatan, seorang ulama' Islam di Pasai untuk menterjemahkan kitab agama

¹⁵ Ibid., hal. 18.

yang bernama "Durrul Mansum" ke dalam Bahasa Melayu. Kitab ini adalah mengenai falsafah dalam agama.¹⁶

Penyebaran agama Islam tidak hanya terhad di dalam lingkungan Empayar Melaka sahaja, bahkan ianya tersebar jauh dan seluas ke seluruh Nusantara. Melalui Melaka agama Islam telah tersebar ke Kepulauan Sulu, Tanah Besar Sumatra, Java, Kalimantan, Filipina Selatan dan lain-lain lagi daerah di Kepulauan Melayu.¹⁷ Kesusastraan Islam juga telah berkembang dengan pesatnya apabila wujudnya tulisan Jawi yang diajar oleh guru-guru agama dari Arab. Melalui Sejarah Melayu kita ketahui tentang adanya hikayat seperti Hikayat Muhammad Hanafiah, Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Iskandar Daulkarmain yang termasyur telah diterjemahkan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi pada terjemahan yang asalnya.¹⁸

Akhirnya benarlah seperti apa yang dinyatakan oleh Drs. Zubir Usman bahawa Islam ditaburkan di Melaka telah merata ke seluruh Nusantara dan berkembang ke dataran Asia Tenggara. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa Kerajaan Melaka telah memperteguhkan ikatan sy

¹⁶ Prof. Datuk Zainal Abidin Abd. Wahid, op.cit., hal. 28.

¹⁷ Sheikh Hj. Muhammad Yusus bin Hj. Md. Yatin, Perkembangan Agama Islam Di Melaka, Bengkel Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan Negeri Melaka, Thb. - 10hb. Jun. 1981, hal. 1.

¹⁸ Prof. Datuk Zainal Abidin Abd. Wahid, loc.cit., hal. 32 - 33.

ci persaudaraan bangsa Melayu Nusantara.¹⁹ Walau bagaimana pun penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris telah melemahkan sangat serta pen dirian orang Islam Melaka yang dahulunya hidup positif berubah menjadi masyarakat yang negatif akibat penekanan dan tipu daya penjajah. Namun begitu bagi mereka penjajah boleh menjajah jasad dan fikiran mereka tetapi mereka tidak berdaya menentang nur iman dan Islam di hati mereka itu.

Masa terus berlalu Negeri Melaka telah berubah mengikut arus perkembangan dunia moden yang mencabar. Persoalannya sekarang mempunyai Negeri Melaka mengulangi sejarah keagungannya sebagai pusat penyebaran Islam, kesusastraan Islam, tafsif dan sebuah kerajaan yang mempunyai perundangan yang bercirikan Islam.

Rasrat suci ini begitu jauh untuk kita nikmati semula. Peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di seluruh Nusantara hanya tinggal sejarah. Walau bagaimana pun usaha-usaha untuk mengembang dan meninggikan syiar Islam tidak pernah kendur malah tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Melaka sepanjang dari masa pemerintahannya dari zaman dahulu hingga sekarang.

¹⁹ Drs. Zubir Usman, Melaka Pusat Perkembangan Islam di Tenggara Asia, Journal : Sejarah Melayu, Bil. I, Jun, 1976, hal. 16.

Untuk keterangan dan huraian selanjutnya, penulis akan senapar
kan hasil kajian yang telah dibuat terhadap Jabatan Agama Islam Melaka
yang bertanggungjawab mengembangkan syiar Islam di bumi Melaka, iaitu
di dalam bab yang keempat nanti.

B. PENGERTIAN TAJUK DAN NIMBUSAN MASALAH.

Sebelum melangkah lebih jauh lagi, penulis merasakan adalah
perlu untuk menghuraikan pengertian beberapa perkataan dari kertas pro-
jek ini iaitu ; "Jabatan Agama Islam Melaka : Peranannya Dalam Penye-
baran Da'wah Islamiah " agar tidak lari dari kehendak tajuk yang sebe-
narnya.

Jabatan ialah bahagian daripada sesuatu badan pentadbiran ker-
jaan dalam menguruskan tugas-tugas tertentu.²¹ Oleh itu Jabatan Agama
Islam Melaka adalah satu organisasi pentadbiran agama Islam di bawah
naungan Kerajaan Negeri Melaka yang menuruskan perkara-perkara yang
beraitan dengan kegiatan agama Islam.

20 Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, Cetakan II, 1984, hal. 427.

Pertakaran kedua yang perlu diuraikan ialah perkataan peranan yang membawa erti sesuatu tugas (bahagian atau perkataan) yang dilakukan untuk menjayakan sesuatu.²² Penyebaran pula berasal dari perkataan sebar yang membawa maksud mengembang atau meluaskan sesuatu misalkan ajaran.²³ Da'wah Islamiah bermaksud segala kegiatan penyebaran ajaran agama Islam iaitu agama yang disampaikan oleh nabi kita Muhammad.

24
S.G.W.

Namirut ilmu etimologi,²⁵ Islam berasal dari kalimah Bahasa Arab iaitu dari kalimat "Salima" yang bererti selamat sentosa. Dari kalimah atau perkataan inilah dibentuk kalimah "Ahlama" yang bererti memelihara keadaan selamat sentosa. Ia juga boleh membawa erti menyerah diri, tunduk, patuh dan taat.²⁶ Ada juga yang mengatakan kata dasar Islam itu ialah "Salama" yang bermaksud sejahtera, tidak tercela, selamat, damai, harmoni, patuh dan berorrah diri.²⁷

²² Andun Hussain, Kamus Pelajar Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, cetakan IV, 1989, hal. 507.

²³ Dr. Teuku Iskandar, op.cit., hal. 1037.

²⁴ Ibid., hal. 226.

²⁵Satu cabang ilmu bahasa mengenai asal usul bahasa dan sejarah perkataan.

²⁶ Drs. Nasruddin Razak, Dinul Islam, Bandung : Al-Ma'rif, cetakan II, 1977, hal. 61.

²⁷ Dra. Sidi Gasalba, Masyarakat Islam, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1976, hal. 78.

Secara keseluruhannya tajuk ini berhubung kait tentang peranan yang didukung oleh Jabatan Agama Islam Melaka yang merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam pembentukan ummah dan pembinaan kerohanian. Ia juga bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri Melaka sebagai jabatan agama negeri yang mengurus dan menteridbir hal ehwal agama di bumi Melaka.

Pengumpulan data adalah perlu untuk mengetahui sejarah dan tarikh penubuhan Jabatan Agama Islam Melaka. Majlis Agama Islam Melaka juga peranannya sebagai organisasi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap penyebaran da'wah Islamiah di Melaka.

Pungsi, tujuan, matlamat penubuhan serta aktiviti atau kegiatan yang dijalankan juga perlu dipaparkan untuk menjelaskan lagi peranan organisasi ini. Perlu dikemukakan permasalahan yang dihadapi, agar jelas kepada kita punca dan sebab-sebab berlakunya permasalahan tersebut dan cuba mencari jalan untuk mengatasinya secara bersama.

Kesemua persoalan ini perlu kepada pengumpulan data yang lengkap dan jelas dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Hasil laporan penyelidikan ini akan perulis kemukakan di dalam Bab IV, iaitu Bab Laporan Penyelidikan dan Analisa Data. InshaAllah.

C. METODOLOGI

Dalam rangka penulisan Kertas Projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metod untuk memperoleh data-data dan maklumat yang diperlukan, seperti :

1) Metod Penentuan Subjek

Subjek kepada penyelidikan ilmiah ini ialah Jabatan Agama Islam Melaka yang dijadikan sample dalam kajian ini. Pemilihan sample ini dibuat memandangkan iaanya berkait rapat dengan kajian penyebutan Islam yang dijalankan di Melaka.

2) Metod Pengumpulan Data

Tidak dapat difikirkan bahawa penyelidikan sederhananya berterusan. Dalam masalah pengumpulan data dan maklumat ini, penulis menggunakan beberapa metod seperti berikut :

a) Metod Historia (Pensejarahan) :

Iaitu cara penyelidikan yang menginterpretasikan kejadian-kejadian yang lempas dari sudut sejarah.

b) Metod Dokumentasi :

Iaitu cara pengumpulan data dengan menggunakan dokumen yang bertubungan dengan masalah yang dikaji.

c) Metod Interviu (Tematikal) :

Batu cara pengumpulan data secara terus kepada responden yang dilakukan melalui tematikal dengan tokoh atau responden yang berkaitan dan a'rif tentang apa yang dikaji oleh penulis. Interviu ini boleh dilakukan dengan dua cara yakni interview secara langsung atau secara tidak langsung.

d) Metod Observasi :

Cara pengumpulan data dengan mengadakan permasaran secara langsung atau tidak langsung terhadap objek yang dikaji (objek penelitian).

3) Metod Analisa Data

Data-data yang telah diperolehi dicabah dan dianalisa untuk memperolehi penyelesaian atau keputusan dari kajian yang dibuat. Analisa ini dibuat dengan menggunakan metod-metod di bawah ini :

a) Metod Induktif :

Metod ini digunakan oleh penulis untuk membuat kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa yang sifatnya khusus untuk mencari kesimpulan bersifat umum.

b) Metod Deduktif :

Pengertiannya di sebalik Induktif iaitu secara mudahnya ia adalah satu kesimpulan yang bersifat umum untuk dijadikan

dasar mencari kesimpulan yang bersifat khusus.

c) Metod Komparatif :

Iaitu cara membuat kesimpulan dari pertandingan data-data dan fakta yang telah diperolehi.

Muraiam tentang penggunaan metodologi ini akan diuraikan dengan terperinci lagi di dalam Bab III : Metodologi.

D. TUJUAN PENULISAN

Terdapat beberapa sebab tujuan pengkajian dan penulisan ini dilakukan, antaranya :

i) Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk memenuhi sebagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Usoleddin bagi sessi 1989/90, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pakejti Usoleddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

ii) Secara umumnya, penyelidikan ini memberikan pengetahuan yang luas dan mendalam kepada penulis bagi menjelaskan kesamaran yang selama ini penulis rasaakan terhadap peranan dan fungsi JAIN.

iii) Selain daripada itu kajian ini juga bertujuan untuk mengulas dan mengenal pasti program atau aktiviti yang dijalankan oleh

JAIM dan menentukan metod da'wah yang paling berkesan dan permasalahan yang dihadapinya.

iv) Akhirnya penulis mengharapkan agar penyelidikan ini dapat dijadikan acas dan pembuka jalan seterusnya kepada pengkaji-pengkaji lain datang yang ingin tengkajinya secara terperinci lagi.

E. SISTMATIKA PENULISAN

Dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini, penulis telah menyusun kajian ini kepada lima bab. Kaedah ini adalah mengikut sistem metodologi penyelidikan agar permasalahan ini mudah difahami oleh pembaca. Bab-bab tersebut adalah diurus seperti berikut :

BAB I : PENDAHULUAN

Penulis memulakan penulisan kajian ini dengan menyentuh tentang latarbelakang masalah yang merangkumi pengenalan bagi Negeri Melaka dari segi geografi, jumlah penduduk, bangsa, sejarah awal penubuhan Melaka, sejarah kedatangan Islam ke Melaka dan peranan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam suatu masa dahulu dengan secara ringkas. Kemudiannya penulis menghuraikan pula pengertian tajuk Latihan Ilmiah ini dan merumuskan permasalahan serta persoalan yang akan dikaji. Dinyatakan juga tujuan penulisan atau penyelidikan ini dijalankan, penggunaan metodologi dan cara penyugunan penulisaan ini dibuat mengikut

sistematika penulisan mengikut bab.

BAB II : LANDASAN TEORI

Bab ini mengandungi huraian-huraian tentang pengertian da'wah itu sendiri yang dijadikan landasan penyelidikan kajian ini. Termasuk juga huraian yang senyentuh hukum berda'wah, metod da'wah, tujuan berda'wah, media da'wah, pandda'wah dan sasaran da'wah.

BAB III : METODOLOGI

Bab ini mengandungi pertimbangan tentang metod-metod yang digunakan oleh penulis untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang diperlukan semada melalui metod penentuan subjek, metod pengumpulan data dan metod analisa data. Kesemua jenis metod ini penulis gunakan dalam kajian dan penyelidikan ilmiah ini.

BAB IV : LAPURAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

Bab ini merupakan bab yang paling penting di antara bab-bab yang lain di dalam perbahasan ini. Di sini penulis mengemukakan laporan atau hasil kajian penulis yang diperolehi. Kesemua laporan ini adalah hasil dari pengamaman dan rumusan yang dibuat satu persatu mengikut turutan masalah yang dikaji. Ini termasuklah laporan kegiatan atau aktiviti yang dijalankan oleh JAIN untuk menyebarkan ajaran Islam di bumi Melaka.

BAB V : PENUTUP

Bab ini mengemukakan kesimpulan secara menyeluruh terhadap kajian yang dijalankan, juga saran-saran yang dikesukakan semula dari penulis atau dari responden-responden yang ditemui oleh penulis sendiri dalam meningkatkan lagi mutu dan usaha terhadap penyebutan da'wah Islam di Negeri Melaka. Semoga hasrat surni ini mendapat kerodhaan Allah S.W.T.